

10 OCT 1999

Najib-Umno

LANGKAH UMNO DEDAHKAN MUSLIHAT PEMBANGKANG MEMANG KENA PADA MASANYA

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Langkah Umno untuk mendedahkan kegiatan parti pembangkang yang cuba melindungi watak sebenar mereka dengan melemparkan pelbagai tuduhan terhadap kerajaan memang tepat dan kena pada masanya, kata Naib Presiden parti Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

Beliau berkata sebelum ini kerajaan Barisan Nasional lebih bersikap mempertahankan diri dengan memberi penjelasan kepada rakyat bagi setiap isu yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang.

"Sekarang kita hendak dedahkan segala pembohongan yang dilakukan oleh parti pembangkang...tindakan mereka (adalah) untuk menyekat daripada perhatian rakyat siapa mereka sebenarnya," katanya kepada pemberita pada majlis pertemuan beliau dengan guru dari sekolah jenis kebangsaan Cina di ibu negara dan Selangor di sini.

Najib yang juga Menteri Pendidikan berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang berkata Umno akan melancarkan kempen secara besar-besaran untuk memerangi fitnah parti pembangkang.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata tindakan pihak pembangkang itu sudah mencapai tahap membimbangkan dan boleh membahayakan perpaduan sesama Melayu dan kestabilan politik negara.

Ketika ditanya berkenaan demonstrasi oleh sekumpulan pelajar Universiti Malaya pada Jumaat lalu, Najib berkata kementerian masih menunggu laporan berhubung perkara itu.

"Kita tidak boleh menggalakkan (pelajar) berdemonstrasi semata-mata untuk menyampaikan memorandum, ini suatu budaya yang tidak sihat...sebab itu kalau kita ambil tindakan ialah kerana kita percaya bahawa kerajaan bukan menutup pintu untuk mendengar kehendak pelajar," katanya.

Najib berkata pelajar juga tidak harus bertindak melulu jika mahu berjumpa dengan pemimpin kerajaan kerana semua pemimpin tidak teragak-agak untuk berbuat demikian sekiranya terdapat permintaan.

"Tapi saya sedar sebahagian besar pelajar adalah bertanggungjawab, yang kita selalu rujuk kepada mereka sebagai majoriti senyap...yang buat bising ini cuma minoriti, sebab hendak tarik perhatian," katanya.

-- BERNAMA

NM RON